



RAZLAN MOHAMED RAMZI

Razlan mahu perkuat skuad hoki

SERDANG – Harapan menempatkan diri dalam skuad hoki kebangsaan masih menebal buat Razlan Mohamed Radzi, meskipun sudah berusia dan terpaksa bersaing dengan pemain muda.

Pemain pertahanan berusia 28 tahun itu yang baru sahaja menamatkan pengajian Ijazah Sains Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) tetap bertekad untuk menabur khidmat buat negara.

Anak kelahiran Ipoh, Perak itu menyatakan dia kini bakal mempunyai lebih masa untuk terlibat lebih serius dalam sukan kegemarannya itu kerana sudah menamatkan pengajian di UPM.

“Semasa belajar, saya sangat sibuk dengan kuliah dan pada masa yang sama, saya turut menjalani latihan hoki sebanyak tiga sesi iaitu bermula seawal 7 pagi dan berakhir 7 malam.

“Oleh yang demikian, saya kena bijak membahagikan masa kerana tidak mahu kehilangan salah satu daripada dua perkara penting dalam hidup saya iaitu sukan dan pelajaran,” kata Razlan kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis konvokesyen UPM ke-33 di sini, semalam.